



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

JAS LAKSANA SIASATAN MENYELURUH DI BAWAH AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 SUSULAN KEJADIAN TANGKI BAHAN KIMIA BOCOR

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah bertindak pantas susulan laporan yang tular di media sosial mengenai pelepasan asap berwarna oren yang dipercayai berlaku di kawasan Jalan Keluli, Pasir Gudang pagi ini. Sejurus menerima maklumat sekitar jam 9.45 pagi, pasukan penguat kuasa dan penyiasat JAS Cawangan Pasir Gudang telah digerakkan ke lokasi bagi menjalankan pemantauan, siasatan serta penilaian awal terhadap kejadian tersebut.

Hasil rondaan yang telah dijalankan di sekitar Jalan Keluli mendapati tiada lagi pelepasan asap berwarna oren daripada mana-mana premis di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat yang diperolehi di lapangan, pelepasan tersebut dipercayai berlaku dari sebuah premis industri di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang.

Pasukan penyiasat JAS tiba di premis yang dikenal pasti sekitar jam 11.10 pagi dan mendapati pelepasan asap berwarna oren telah berhenti. Namun begitu, terdapat bau yang ketara di kawasan premis semasa pemeriksaan dijalankan.

Sehubungan itu, JAS telah mengambil beberapa tindakan segera termasuk:

- i) Menjalankan pemantauan dan siasatan lapangan di kawasan yang diadu;
- ii) Koordinasi dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) bagi tindakan lanjut mengikut bidang kuasa masing-masing;
- iii) Memohon penilaian keselamatan daripada pihak JBPM sebelum pemeriksaan terperinci dijalankan di dalam kawasan premis; dan
- iv) Melaksanakan pemantauan kualiti udara di kawasan sensitif yang berpotensi terkesan.

Sebagai langkah berjaga-jaga, JAS Negeri Johor turut menjalankan pemantauan kualiti udara di dua lokasi sensitif yang dikenal pasti iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Pasir Putih dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 3. Melalui pemantauan yang dijalankan, bacaan kualiti udara di kedua-dua lokasi tersebut berada pada paras normal dan tidak menunjukkan sebarang bacaan yang melebihi had yang ditetapkan.

JAS ingin menegaskan bahawa siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian dan menentukan sama ada berlaku sebarang pelepasan pencemar yang melanggar peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]. Sekiranya hasil siasatan mendapati berlaku kesalahan di bawah peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh JAS, tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya akan diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab.

JAS akan terus memantau keadaan di kawasan terlibat serta bekerjasama rapat dengan agensi-agensi berkaitan bagi memastikan keselamatan awam dan kualiti alam sekitar sentiasa terpelihara. Orang ramai dinasihatkan agar tidak membuat spekulasi berhubung kejadian ini dan sentiasa merujuk kepada maklumat rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

JABATAN ALAM SEKITAR

11 JUN 2026



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763